



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

450K UNTUK BANTU PERKASA WARGA EMAS DI PERAK

IPOH, 13 Mac - YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Pengoperasian Tahunan dan Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) baharu Negeri Perak Tahun 2021. Dalam majlis ini, YB Datuk Seri Rina telah menyampaikan sumbangan Bantuan Kewangan Pengoperasian Tahunan sebanyak RM50,000.00 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM350,000.00 kepada tujuh buah PAWE sedia ada di Negeri Perak. Kementerian juga telah memperuntukkan sejumlah RM100,000.00 bagi Bantuan Kewangan Penubuhan PAWE baharu di Kuala Kangsar. Sehingga kini, terdapat sebanyak 143 buah PAWE yang meliputi 131 kawasan Parlimen telah ditubuhkan dan beroperasi dengan keahlian berdaftar seramai 47,627 orang.

“Kerajaan telah menaikkan bantuan kewangan tahunan pengendalian Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) daripada RM33,330 kepada RM50,000. Ini adalah salah satu bukti komitmen dan keprihatinan Kerajaan khususnya dalam menambahbaik perkhidmatan kepada golongan sasaran yang memerlukan. Peningkatan ini merangkumi pertambahan kepada peruntukan untuk melaksanakan program dan aktiviti PAWE serta kenaikan elaun sukarelawan, penyelia dan pembantu penyelia dengan mengambil kira

gaji minimum yang telah dikuatkuasakan.” menurut YB Datuk Seri Rina semasa ucapannya.

Menyedari peri pentingnya mengekalkan warga emas untuk terus produktif, berdaya saing dan sejahtera, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah merangka dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya Pembangunan Modul Penjagaan Warga Emas yang dibuat dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam membangunkan Sistem Warga Emas Nasional (Sistem e-Wen) yang bertujuan untuk mengenal pasti demografi, kemahiran serta kepakaran warga emas. Melalui Belanjawan 2021, kerajaan juga telah menaikkan kadar Bantuan Kebajikan Warga Emas (Bantuan Orang Tua) daripada RM350.00 kepada RM500.00 sebulan. Kenaikan ini turut memberi manfaat kepada 10,118 penerima bantuan di Negeri Perak.

Turut hadir dalam majlis ini adalah YB Datuk Wan Norashikin binti Wan Noordin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak, YBhg. Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM serta Pengerusi-Pengerusi PAWE Negeri Perak.

Disediakan oleh **Unit Perhubungan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**
No.Telefon 03-8323 1773
Tarikh dikeluarkan 13 Mac 2021